



KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA

Director General of Education Malaysia

ARAS 8, BLOK E8

Level 8, Block E8

KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E

Government Complex Parcel E

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Federal Government Administrative Centre

62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077

Faks: 03-8889 4548

Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami: KPM. 100-1/7/2 Jld. 5 (33)

Tarikh: 7 Jun 2018

Semua Ketua Bahagian

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 5 TAHUN 2018**

**GARIS PANDUAN PERWAKILAN KUASA DARIPADA KETUA PENDAFTAR
INSTITUSI PENDIDIKAN DAN GURU KEPADA PENDAFTAR BAGI KELULUSAN
PERMOHONAN OLEH PIHAK LUAR MENJALANKAN AKTIVITI MELIBATKAN
MURID, GURU DAN INSTITUSI PENDIDIKAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA**

TUJUAN

1. Surat pekeliling ikhtisas ini dikeluarkan bertujuan memaklumkan pelaksanaan Garis Panduan Perwakilan Kuasa daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru kepada Pendaftar bagi Kelulusan Permohonan oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

LATAR BELAKANG

2. KPM mengambil maklum bahawa terdapat permohonan daripada pelbagai pihak luar termasuk agensi kerajaan di bawah kementerian lain, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), syarikat korporat dan sebagainya yang menganjurkan program atau aktiviti berunsur pendidikan melibatkan murid, guru dan institusi pendidikan di bawah KPM. Pelibatan pelbagai pihak berkepentingan dalam aktiviti pendidikan yang

melibatkan murid, guru dan institusi pendidikan KPM merangkumi pelbagai bentuk kerjasama seperti perkongsian kepakaran perkhidmatan, tajaan, promosi bahan, lawatan dan pertukaran murid dalam dan luar negara, program penggambaran, rakaman video, pertandingan, kejohanan sukan dan kokurikulum serta pelibatan warga institusi pendidikan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

3. Permohonan bagi pelaksanaan program oleh pihak agensi diberikan pertimbangan dan kelulusan berdasarkan bidang kuasa seperti yang terangkum dalam surat pekeliling ikhtisas, surat siaran dan garis panduan yang sedang berkuat kuasa.

4. Mesyuarat Pengurusan Pendidikan KPPM Bil. 2/2018 pada 14 Mei 2018 dan Mesyuarat Profesional KPM Bil.14 pada 17 Mei 2018 telah bersetuju meluluskan Garis Panduan Perwakilan Kuasa daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru Kepada Pendaftar bagi Kelulusan Permohonan oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.

PELAKSANAAN

5. YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan hendaklah memastikan agar **Garis Panduan Perwakilan Kuasa daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru Kepada Pendaftar bagi Kelulusan Permohonan oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia** dirujuk dan dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat supaya program/aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan teratur dan berkesan.

6. Perwakilan kuasa daripada Ketua Pendaftar kepada Pendaftar bagi kelulusan permohonan oleh pihak luar menjalankan aktiviti melibatkan murid, guru dan institusi pendidikan KPM adalah tidak bertentangan dengan kuasa dan peruntukan perundangan seperti yang dikanunkan dalam Akta 550. Sehubungan dengan itu, kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan adalah dimohon untuk mengambil maklum dan tindakan berkenaan peruntukan kuasa dan fungsi seperti yang diperuntukkan dalam Akta 550 sebagai Pendaftar untuk meneliti, menimbang

dan meluluskan permohonan oleh pihak luar menjalankan aktiviti melibatkan murid, guru dan institusi pendidikan KPM.

TARIKH KUAT KUASA

7. Surat pekeliling ikhtisas ini berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan

PEMBATALAN

8. Dengan berkuatkuasanya surat pekeliling ikhtisas ini, maka Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2004; Panduan Penglibatan Murid-Murid Sekolah dalam Program Atau Aktiviti Anjuran Agensi-Agenzi Selain daripada Agensi di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia adalah **dibatalkan**.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

9. YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat pekeliling ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATUK DR. AMIN BIN SENIN)

Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
merangkap Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

s.k.:

1. Menteri Pendidikan Malaysia
2. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Ketua Pengarah
Sektor Pendidikan Tinggi
4. Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Timbalan-timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
7. Ketua Nazir Sekolah
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
8. Penasihat Undang-undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
9. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia



**GARIS PANDUAN PERWAKILAN KUASA DARIPADA
KETUA PENDAFTAR INSTITUSI PENDIDIKAN DAN
GURU KEPADA PENDAFTAR BAGI KELULUSAN
PERMOHONAN OLEH PIHAK LUAR MENJALANKAN
AKTIVITI MELIBATKAN MURID, GURU DAN INSTITUSI
PENDIDIKAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA**

TUJUAN

1. Garis panduan ini bertujuan untuk memberi penjelasan berhubung perwakilan kuasa daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru kepada Pendaftar bagi kelulusan permohonan oleh pihak luar menjalankan aktiviti melibatkan murid, guru dan institusi pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

LATAR BELAKANG

2. KPM berperanan untuk merancang dan melaksanakan program dan aktiviti pendidikan bagi tujuan menyediakan generasi murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan dengan keperluan semasa dan cabaran masa akan datang. Program dan aktiviti ini dilaksanakan secara formal melalui aktiviti kurikulum di bilik darjah dan juga secara tidak formal melalui pelibatan murid dalam aktiviti kokurikulum dan sukan di luar bilik darjah.

3. KPM mengambil maklum bahawa terdapat pelbagai pihak luar termasuk agensi kerajaan di bawah kementerian lain, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), syarikat korporat, pihak antarabangsa dan sebagainya yang menganjurkan program atau aktiviti berunsur pendidikan melibatkan murid dan guru sekolah KPM. Pihak KPM mengalu-alukan inisiatif pihak luar yang ingin menyumbang khidmat bakti demi kepentingan pendidikan negara.

4. Sumbangan agensi ini adalah selaras dengan dasar kerajaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang mengalu-alukan sumbangan dan kerjasama agensi luar KPM dalam melaksanakan program/aktiviti pendidikan. KPM mengambil pendekatan untuk melaksanakan program anjuran agensi luar KPM ini sebagai usaha sama perkongsian pintar (*smart partnership*) dalam membangunkan modal insan bagi keperluan pembangunan negara.

TAFSIRAN

5. Dalam garis panduan ini, tafsiran yang digunakan seperti yang berikut:
- i. "Pihak luar" merujuk agensi/organisasi/individu selain agensi di bawah KPM.
 - ii. "Institusi Pendidikan" merujuk sekolah kerajaan, bantuan kerajaan dan sekolah swasta.
 - iii. "Ketua Pendaftar" merujuk:
"Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru yang dilantik di bawah subseksyen 5(1), Akta Pendidikan 1996.
 - iv. "Maklumat terperingkat" merujuk sebarang maklumat yang diklasifikasikan sebagai TERHAD, SULIT dan RAHSIA.
 - v. "Pendaftar" merujuk;
Pendaftar Institut Pendidikan dan Guru yang dilantik di bawah subseksyen 5(3) Akta Pendidikan 1996.
 - vi. "Permohonan" merujuk permohonan secara rasmi yang diterima melalui surat atau e-mel.
 - vii. "Program antarabangsa" merujuk program/aktiviti yang dibuka pelibatan dan penyertaannya kepada murid/guru/sekolah dengan negara luar dan/atau dilaksanakan di luar negara.
 - viii. "Program kebangsaan" merujuk kepada program/aktiviti yang dibuka pelibatan dan penyertaannya kepada murid/guru/institusi pendidikan dari seluruh negara dan/atau dilaksanakan dalam negara.
 - ix. "Program tempatan" merujuk kepada program/aktiviti yang dibuka pelibatan dan penyertaannya kepada murid/guru/institusi pendidikan dalam daerah atau negeri tertentu sahaja dan/atau dilaksanakan dalam negeri tertentu sahaja.

OBJEKTIF

6. Garis panduan ini adalah untuk:
 - 6.1 memastikan pihak jabatan pendidikan negeri (JPN) mengurus permohonan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang sama dalam memberi pertimbangan dan kelulusan kepada permohonan pihak luar; dan
 - 6.2 memastikan pengurusan permohonan dapat diuruskan dengan lebih cekap dan berkesan.

PEMAKAIAN

7. Garis panduan ini terpakai kepada semua bahagian KPM dan semua JPN.

PERWAKILAN KUASA

8. Selaras dengan usaha penambahbaikan urusan permohonan pihak luar, permohonan yang diproses untuk pertimbangan kelulusan adalah berdasarkan peringkat penyertaan murid/guru/institusi pendidikan. Perwakilan kuasa diberikan kepada Pendaftar untuk meluluskan permohonan yang diterima bagi penyertaan dalam program/aktiviti tempatan di peringkat negeri, daerah dan institusi pendidikan.

9. Walau bagaimanapun, bagi permohonan yang melibatkan penyertaan dalam program/aktiviti di peringkat antarabangsa dan kebangsaan, kelulusan masih tertakluk di bawah bidang kuasa Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru melalui pengarah bahagian di KPM.

JENIS PERMOHONAN DARIPADA PIHAK LUAR

10. Pertimbangan kepada permohonan daripada agensi luar meliputi jalinan kerjasama/kolaborasi/ceramah/tajaan/promosi bagi perkara seperti yang berikut:

- i. kurikulum;
- ii. kokurikulum;

- iii. sukan;
- iv. badan beruniform;
- v. sahsiah dan disiplin;
- vi. kaunseling;
- vii. kesihatan;
- viii. lawatan ke luar negara;
- ix. lawatan dari luar negara;
- x. pertandingan;
- xi. mendapatkan maklumat;
- xii. urusan pentadbiran umum institusi pendidikan;
- xiii. penggambaran dalam kawasan institusi pendidikan;
- xiv. permohonan membuat kajian/ tadbir soal selidik; dan
- xv. hal umum melibatkan pelibatan murid, guru dan institusi pendidikan.

BIDANG KUASA DAN PROSES KELULUSAN

Perwakilan Kuasa daripada Ketua Pendaftar kepada Pendaftar

11. Perwakilan Kuasa daripada Ketua Pendaftar kepada Pendaftar ialah bagi meluluskan permohonan oleh pihak luar dalam perkara yang merangkumi senarai permohonan seperti yang berikut:

- i. pengajuran program/pertandingan melibatkan murid/guru/institusi pendidikan peringkat tempatan;
- ii. pengajuran ceramah/seminar/bengkel/taklimat melibatkan murid/guru/institusi pendidikan peringkat tempatan;
- iii. lawatan daripada pihak dalam dan luar negara ke institusi pendidikan dalam negeri tersebut;
- iv. rakaman dan penggambaran dokumentari/video/drama/filem melibatkan murid/guru/institusi pendidikan dalam negeri tersebut;
- v. menjalankan program rintis suatu produk atau program pendidikan melibatkan murid/guru/institusi pendidikan dalam negeri tersebut;
- vi. mendapatkan maklumat (selain maklumat terperingkat) berkaitan murid/guru/institusi pendidikan dalam negeri tersebut;
- vii. penempatan pelajar institut pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta untuk melaksanakan latihan mengajar/internship/industri /kaunseling di institusi pendidikan dalam negeri tersebut;

- viii. mengadakan promosi secara bersemuka atau melalui edaran bahan ke institusi pendidikan dalam negeri tersebut;
 - ix. kebenaran memasuki kawasan institusi pendidikan untuk perkara berkaitan keselamatan/pembangunan/keindahan institusi pendidikan; dan
 - x. pelepasan guru untuk menyertai aktiviti kesatuan dan badan.
12. Bagi mana-mana permohonan yang tiada dalam kategori di atas hendaklah dikemukakan kepada KPM.

Kelulusan di bawah Bidang Kuasa Ketua Pendaftar

13. Kelulusan bagi perkara yang berikut masih lagi kekal di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Ketua Pendaftar, iaitu:
- i. pengajuran program/pertandingan melibatkan murid/guru/institusi pendidikan peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
 - ii. pengajuran ceramah/seminar/bengkel/taklimat melibatkan murid/guru/institusi pendidikan peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
 - iii. mendapatkan maklumat terperingkat berkaitan murid/guru/institusi pendidikan;
 - iv. menjalankan pelaksanaan rintis suatu produk atau program pendidikan melibatkan murid/guru/institusi pendidikan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa; dan
 - v. menjalankan kajian dan/atau mentadbir soal selidik melibatkan murid/guru/institusi pendidikan;

TANGGUNGJAWAB PENDAFTAR

14. Perwakilan kuasa ini selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang berhasrat untuk mengupayakan JPN dan pejabat pendidikan daerah (PPD). JPN boleh memberi kelulusan bagi sebarang program/aktiviti yang hendak dilaksanakan di peringkat tempatan.

15. Kelulusan yang diberikan tertakluk kepada budi bicara dan pertimbangan Pendaftar. Pendaftar berhak untuk membenarkan atau tidak sesuatu program/aktiviti dijalankan di negeri tersebut berdasarkan kesesuaian program/aktiviti yang hendak dilaksanakan di peringkat tempatan seperti yang dimohon.

16. Kelulusan permohonan hendaklah mematuhi syarat yang telah ditetapkan seperti yang berikut:

- i. mendapat kebenaran daripada ketua jabatan dan guru besar/pengetua sekolah yang terlibat;
- ii. mematuhi semua pekeliling dan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- iii. surat kebenaran/kelulusan tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- iv. penyertaan murid dan guru hendaklah tidak mengganggu atau menjelaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
- v. penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dengan program ini;
- vi. Murid, warga sekolah mahupun pihak sekolah sendiri tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program yang dirancang/dilaksanakan;
- vii. penyertaan murid hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga;
- viii. guru/guru pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah mengiringi murid ke program atau aktiviti berkenaan;
- ix. tiada implikasi kewangan kepada KPM, JPN, sekolah, guru dan murid yang terlibat;
- x. pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos pengajuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum; melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Pendaftar.
- xi. sekiranya program/aktiviti yang menuntut pengiktirafan, JPN hendaklah mendapatkan pandangan daripada bahagian berkaitan;


- xii. pihak pengajur dimohon agar mengemukakan satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program tersebut;
 - xiii. Pendaftar berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak pengajur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa; dan
 - xiv. bagi setiap kelulusan yang diberikan, Pendaftar hendaklah membuat salinan kelulusan tersebut kepada bahagian yang berkenaan di KPM.
17. Bagi lawatan daripada pihak luar negara, pihak pelawat/pengajur hendaklah mengemukakan surat kelulusan daripada pihak berautoriti daripada negara tersebut.

KESIMPULAN

18. Perwakilan kuasa ini merupakan suatu pendekatan transformasi ke arah menjadikan prosedur permohonan yang lebih efisien dan mesra pelanggan selain mengurangkan birokrasi dan tempoh kelulusan bagi permohonan daripada pihak luar. Kemudahan ini juga mampu mempertingkatkan pelibatan dan kerjasama pihak luar. Seterusnya, prosedur ini juga memudahkan pihak luar mengupayakan tanggungjawab sosial korporat (*Corporate Social Responsibilities*) mereka dalam membantu KPM mengoptimumkan potensi semua pihak yang terlibat dalam usaha pembangunan modal insan seperti yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.


CARTA ALIR

Carta Alir Prosedur Permohonan Pihak Luar di Peringkat Negeri/Daerah/Institusi Pendidikan



CARTA ALIR

Carta Alir Prosedur bagi Permohonan Lawatan dari Luar Negara



CARTA ALIR

Carta Alir Prosedur bagi Permohonan Program Peringkat Kebangsaan



CARTA ALIR

Carta Alir Prosedur bagi Permohonan Program Peringkat Antarabangsa

